

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*

No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## KENYATAAN MEDIA

28 MEI 2018

### **Dapur Gas Domestik Hendaklah Mendapatkan Kelulusan ST dan Label SIRIM**

**Putrajaya, 28 Mei –** Semua dapur gas domestik yang menggunakan gas petroleum cecair (LPG) hendaklah mendapatkan kelulusan dari Suruhanjaya Tenaga (ST) dan dilekatkan dengan label SIRIM sebelum dipasarkan di negara ini.

Penguatkuasaan ini selaras dengan Peraturan 116 (1), 117 (1) dan 119 (1) Peraturan-peraturan Bekalan Gas (Pindaan) 2017. Ini bagi memastikan dapur gas yang dipasarkan di negara ini mendapat kelulusan ST dan telah menjalani ujian untuk memastikan tahap keselamatannya. Ia juga bagi memastikan setiap pemasang, pengilang atau pengimport dapur gas domestik berdaftar dengan ST.

Buat masa ini, dapur gas domestik yang dipasarkan di negara ini tidak mempunyai sebarang label atau tanda kelulusan daripada ST dan SIRIM seperti kelengkapan elektrik. Ini menyukarkan orang awam untuk mengenalpasti sama ada dapur gas terbabit telah mendapatkan kelulusan atau tidak dan sama ada tahap keselamatannya telah diuji.

Untuk mendapatkan kelulusan ini, syarikat terbabit perlu terlebih dahulu berdaftar dengan ST sebagai pemasang, pengilang atau pengimport bagi dapur gas. Panduan lengkap boleh didapati dari buku '*Guide on New Applications and Renewal of Certificate of Approval: Assemblers, Manufacturers or Importers of Gas Fittings, Gas Appliances and Equipment, and Gas Fittings, Gas Appliances and Equipment*' yang dikeluarkan oleh ST.

Untuk mendapatkan label SIRIM pula, pihak pemasang, pengilang atau pengimport perlu mendapatkan pengesahan ujian daripada SIRIM. Panduan lengkap boleh didapati melalui buku '*Guide on Issuance of Certificate of Approvals and Labelling of Domestic Gas Cooking*

*Appliances'* yang juga dikeluarkan oleh ST. Kedua-dua buku ini boleh didapati di laman web ST melalui [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my).

Peraturan ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada 1 April 2019, bagi memberi ruang kepada pihak industri dan SIRIM untuk membuat persediaan rapi. Selepas dikuatkuasakan, mana-mana pihak yang gagal mematuhi peraturan ini boleh diambil tindakan di bawah Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 dan Peraturan-peraturan Bekalan Gas (Pindaan) 2017. Jika sabit kesalahan, denda sehingga RM100,000 dan dalam hal kesalahan berterusan, denda sebanyak RM2,000 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan boleh dikenakan.

\*\*\*Tamat\*\*\*

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Syarizman Mansor*

*Unit Promosi & Komunikasi*

*Tel: +603-8870 8500/8554/8598/8537/+6013 2183778 (Zairulliati)/+6019 3134543 (Syarizman)*

*Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [sitisuhaila@st.gov.my](mailto:sitisuhaila@st.gov.my)/[zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)/[ritz@st.gov.my](mailto:ritz@st.gov.my)*

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.